



Universiti perlu tingkat fungsi jadi pusat penyelidikan - Noraini

Oleh [Irwan Shafrizan Ismail](#) - Ogos 4, 2022 @ 6:24pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

KUALA LUMPUR: Universiti di negara ini perlu meningkatkan fungsi mereka sebagai pusat penyelidikan menerusi penghasilan idea dan inovasi baharu yang memberi manfaat dan kesejahteraan sejagat.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata idea baharu yang berimpak tinggi mampu memberikan penyelesaian kepada isu dan cabaran yang wujud dalam masyarakat.

Beliau berkata, indikator universiti terbaik adalah yang mampu menghasilkan impak bukan sahaja terhadap warganya, malah turut memanfaatkan masyarakat.

"Saya boleh katakan di sini bahawa di universiti, penyelidikan dan inovasi adalah seperti dakwat dengan kertas, kedua-duanya bergerak seiring.

"Dengan penyelidikan, maka akan terhasillah idea, inovasi dan produk baharu yang boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak," katanya berucap menutup Pameran Defence, Security and Sustainability (DSS) 2022 di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), hari ini.

Turut hadir Naib Canselor UPNM, Lt Jen Datuk Hasagaya Abdullah.

Noraini berkata, hasil penyelidikan dan inovasi yang dipamerkan pada DSS 2022 ini adalah relevan dalam usaha memperkukuh sektor industri pertahanan negara, di samping menggalakkan lagi kepakaran tempatan.

"Sesungguhnya, negara amat memerlukan inovasi bagi meningkatkan pembekalan aset keluaran tempatan untuk digunakan dalam sistem pertahanan negara secara menyeluruh," katanya.

Pada majlis itu, Noraini turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara UPNM dengan Subturbo Sdn Bhd dan HJS Maritime Sdn Bhd yang antara lain bagi tujuan kolaborasi dalam bidang penyelidikan, pendidikan dan program latihan.

Sementara itu, Hasagaya berkata, DSS 2022 menjadi platform kepada peserta dalam industri pertahanan seluruh negara mempromosikan produk, berkongsi idea dan teknologi, menjalin perkongsian pintar serta memulakan kerjasama sinergi dan strategik.

"Objektif utama DSS 2022 adalah untuk mempamerkan hasil penyelidikan dalam bidang keselamatan dan pertahanan, perubatan, sains dan teknologi serta lain-lain bidang.

"Justeru, DSS 2022 menerima sebanyak 231 penyertaan yang terdiri daripada universiti awam dan swasta, dan pelbagai agensi kerajaan dan swasta," katanya yang memaklumkan empat sesi syarahan dan perkongsian ilmu termasuk dalam bidang aeroangkasa turut berlangsung di pameran itu.